



*Sekitar Majlis Penyerahan Telefon Blackberry kepada pihak pengurusan tertinggi UUM*

**UUM ONLINE:** Sistem pengurusan sesebuah organisasi dapat ditingkatkan dengan jayanya apabila setiap individu dalam organisasi mengaplikasikan teknologi dan perkhidmatan jalur lebar dalam usaha memantapkan hubungan antara satu sama lain.

Sehubungan itu, Universiti Utara Malaysia (UUM) menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Telekomunikasi Celcom dengan membekalkan 600 unit telefon pintar Blackberry kepada semua Ahli-Ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU), penjawat pentadbiran akademik dan ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta kakitangan UUM dalam kumpulan pengurusan.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika berucap di Majlis Penyerahan Telefon kepada pihak pengurusan tertinggi berharap penggunaan itu bukan sahaja menjimatkan kos malah dapat berhubung dengan lebih cepat di antara kakitangan.

“Perhubungan dan keputusan dalam sesuatu perancangan harus dilakukan segera, oleh itu penggunaan teknologi komunikasi seperti ini semestinya sangat diperlukan terutama dalam usaha menjadi UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka,” ujarinya ketika berucap di Foyer Canselori, di sini, semalam.

Mustafa berkata, beliau berharap dengan pembekalan telefon pintar ini dapat memberi kemudahan kepada pihak pengurusan dan kakitangan lain untuk berhubung antara satu sama lain dengan beberapa ciri-ciri kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pihak syarikat tersebut.

Sementara itu, Presiden Wilayah Utara Celcom Axiata Berhad, Saiful Bahrin Abd Ghaffar mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan UUM kerana menjadi universiti pertama menerima pakej khas ini yang memberi beberapa keistimewaan antaranya menjimatkan bil telefon talian tetap, menyediakan perkhidmatan emel dan Blackberry Messenger serta Group Mail dalaman UUM.

Tambah beliau lagi, landasan komunikasi telah dibina dengan adanya telefon ini, dengan demikian, proses membuat keputusan akan menjadi lebih cepat dan berkesan seperti yang diharapkan oleh universiti pengurusan ini.

“Ianya merupakan satu usaha untuk menjimatkan kos, dalam masa yang sama, kita dapat memberi tindakan segera kepada setiap persoalan dan aduan dengan cepat sekaligus memberi kepuasan kepada seluruh warga universiti.

“Saya berharap dengan pakej yang kami tawarkan ini dapat mempercepatkan lagi hasrat universiti ini untuk mencapai Universiti Pengurusan Terkemuka,” katanya.

Antara keistimewaan yang diberikan ialah 22 jam panggilan keluar kesemua jaringan, 50 jam panggilan percuma sesama komuniti UUM, 300 khidmat pesanan ringkas kepada pelanggan Celcom, akses data tanpa had, caj panggilan serendah 10 sen seminit dan percuma lesen Blackberry.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan lagi tahap perkhidmatan jalur lebar dengan lebih luas dan efektif, Celcom akan meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menambah stesen telekomunikasi yang telah sedia ada daripada 12 stesen kepada 24 stesen.